

Headline	LEGA SUNGGUH...		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	59
ArticleSize	507 cm ²	Journalist	MALIK MUHAMAD
PR Value	RM 59,688		



FAIZAL (kiri) diasak pemain KLHC Haziq Samsul pada perlawanan Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia THT menentang KLHC di Stadium Hoki Batu Buruk, kelmarin.

LEGA SUNGGUH...

Harun puji semangat juang pemain KLHC pertahan piala

Malik Muhamad
sukan@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Jurulatih Kuala Lumpur Hockey Club (KLHC) Muhammad Harun Al-Rashid Samri melahirkan perasaan lega selepas anak buahnya berjaya mengekalkan kejuaraan Piala Sumbangsih Liga Hoki Premier TNB MHL 2016 buat kali ketiga berturut-turut dengan menumbangkan musuh utama Terengganu Hockey Team (THT) di Stadium Hoki Batu Buruk petang kelmarin.

Lebih manis, kemenangan 2-1 itu dilakar buat pertama kali di gelanggang keramat THT biarpun pemainnya terpaksa bermandi peluh sebelum berjaya menjinakkan juara berganda liga dan Piala TNB dua tahun berturut-turut itu.

"Kami turun dengan hasrat untuk mencipta hatrik kejuaraan Piala Sumbangsih ini, tetapi dengan reputasi hebat THT dan beraksi di laman mereka bukan satu tugas yang mudah untuk direalisasikan, namun selepas tamat perlawanan kami berasa lega kerana muncul juara," kata Muhammad Harun.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kecemerlangan penjaga gol Roslan Jamaluddin yang berjaya menyela-



ISMAIL Abu (kanan) cuba melepasi kekangan pemain KLHC Kazamirul Nasruddin.

matkan banyak percubaan bahaya tuan rumah yang diketuai kapten Mohd Faizal Saari adalah antara faktor utama kejayaan pasukannya.

"Selain itu, komitmen semua pemain yang menunjukkan semangat melawan kental walaupun beraksi di depan ribuan penyokong tuan rumah juga menjadi penyumbang kejayaan pasukan," katanya.

Sementara itu, jurulatih THT Sarjit Singh menyifatkan kegagalan pemainnya menyempurnakan tujuh pukulan sudut penalti yang di-

peroleh sepanjang perlawanan itu adalah penyebab pasukannya kempunan untuk meraih juara buat pertama kali dalam sejarah liga hoki.

"Namun, saya tidak mahu menyalahkan pemain berikutan kegagalan itu tetapi saya akan melakukan kerja rumah dan memperkemas lagi strategi untuk memastikan pertemuan kedua bertemu Maybank di Kuala Terengganu berakhir dengan kemenangan untuk mengutip tiga mata," katanya.

Pada aksi petang Jumaat itu, dua jaringan pantas KL-

“**Kami turun dengan hasrat untuk mencipta hatrik kejuaraan Piala Sumbangsih**”

Muhammad Harun Al-Rashid Samri

HC menerusi Jelte Van Genip pada minit ke-14 dan Ali Shan pada minit ke-16 menghampakan pasukan tuan rumah untuk muburu kejuaraan Piala Sumbangsih itu biarpun membariskan ramai pemain kebangsaan.